

Salahuddin anggap PM mahu rakyat lebih inovatif

PUTRAJAYA 3 Mei - Kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa kerajaan sedang memikirkan untuk mengalihkan waktu bekerja siang kepada waktu malam dilihat sebagai 'lapik bahasa' supaya semua pihak lebih inovatif.

Menteri Pertaman dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kenyataan itu menjurus kepada maksud agar semua pihak lebih memikirkan cara-cara terbaik untuk maju ke

hadapan.

"Saya tidak membaca itu secara literal waktu malam tetapi saya membacanya sebagai bagaimana kita harus melihat masa depan dengan idea yang lebih inovatif.

"Ini termasuk bagaimana kita menggunakan setiap ruang dalam hidup untuk maju ke hadapan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Perdana Menteri semalam dilaporkan sebagai berkata, kera-

jaan sedang memikirkan untuk mengalihkan waktu bekerja siang kepada waktu malam dalam sektor pekerjaan tertentu.

Beliau menjelaskan, langkah itu bagi memudahkan pekerja tempatan, terutama mereka yang terpaksa bekerja di tengah panas.

Katanya, langkah itu juga bagi menggalakkan rakyat bekerja dalam sektor yang kini bergantung kepada tenaga kerja asing.



SALAHUDDIN AYUB